

No. Soalan :  
No. 17 PR-1333-L71307

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[ JASIN ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015**

**SOALAN : Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah  
[Jasin] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan : -**

- (a) berapa banyakkah rundingan dan perjanjian (comprehensive agreements) dua hala yang telah disepakati dan ditandatangani antara Malaysia dan USA bagi tempoh 2009-2014; dan
- (b) bidang-bidang yang diliputi dan faedah-faedah yang telah dan bakal negara kita perolehi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat kini berada pada tahap yang amat baik dengan kerjasama di dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama termasuk politik, ekonomi, perdagangan, pendidikan, keselamatan, pertahanan, sains dan teknologi serta belia. Hubungan dua hala ini telah diperkukuh lagi dengan keputusan kedua-dua buah negara untuk meningkatkan hubungan dua hala ke peringkat *Comprehensive Partnership*, dengan izin, pada tahun 2014.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tempoh 2009 hingga 2014, Malaysia dan Amerika Syarikat telah menandatangani sebanyak tujuh (7) perjanjian dan memorandum persefahaman. Antara perjanjian dan memorandum persefahaman tersebut termasuk di dalam bidang kastam, imigresen, pendidikan, kerjasama membanteras jenayah rentas sempadan, serta sains dan teknologi.

4. Dari segi rundingan dua hala, Malaysia dan Amerika Syarikat telah menganjurkan Dialog Pegawai-Pegawai Kanan Malaysia – Amerika Syarikat (*Malaysia-US Senior Officials Dialogue*), dengan izin, sebagai salah satu mekanisme utama untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerjasama dua hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa. Sebanyak tiga (3) sesi dialog telah diadakan antara tahun 2009 hingga 2014 iaitu pada bulan Mac dan Jun 2010 serta pada bulan Oktober 2014. Dalam masa yang sama, mekanisme rundingan dua hala juga telah diadakan oleh kementerian dan agensi kerajaan yang lain dengan agensi berkaitan di Amerika Syarikat melalui mekanisme Mesyuarat Jawatankuasa Bersama atau *Working Group (WG)*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Rundingan dan perjanjian yang telah dimeterai setakat ini di dalam pelbagai bidang yang tersebut di atas telah memberikan banyak faedah kepada negara termasuk pengukuhan hubungan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara di dalam bidang-bidang tersebut terutamanya pertukaran kepakaran, bina upaya serta peningkatan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan lagi kerjasama di dalam pelbagai bidang kerjasama sedia ada dan akan datang dengan Amerika Syarikat dalam memastikan daya saing negara terus kukuh di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.